

APO-WARFARIN

Warfarin Sodium (1mg, 2mg, 5mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Warfarin
2. Bagaimana Apo-Warfarin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Warfarin
4. Cara menggunakan Apo-Warfarin
5. Semasa menggunakan Apo-Warfarin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Warfarin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Apo-Warfarin

Apo-warfarin membantu mencegah darah dari pembekuan secara berlebihan atau membentuk gumpalan yang berbahaya. Jika pembekuan secara berlebihan tidak dirawat, ia boleh membawa kepada masalah kesihatan yang serius seperti strok atau serangan jantung.

Bagaimana Apo-Warfarin berfungsi

Apo-Warfarin ialah sejenis ubat antikoagulan. "Anti" bermaksud menentang, dan "koagulan" merujuk kepada penggumpalan darah. Antikoagulan membantu mengurangkan berlakunya penggumpalan dalam darah.

Apo-Warfarin menghalang sebahagian daripada penggunaan semula vitamin K oleh hati anda. Vitamin K diperlukan untuk membina faktor penggumpal yang membantu menggumpal darah dan menghentikan pendarahan. Vitamin K boleh didapati secara semula jadi dalam makanan seperti sayur-sayuran yang hijau dan berdaun dan juga sesetengah minyak sayuran.

Apo-Warfarin mula mengurangkan penggumpalan darah dalam masa 24 jam selepas pengambilan ubat ini. Kesan penuh boleh mengambil selama 72 ke 96 jam untuk berlaku.

Sebelum menggunakan Apo-Warfarin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Apo-Warfarin jika anda alah kepada Warfarin Sodium, atau sebarang isi kandungan dalam ubatan ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Warfarin jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Warfarin jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan Apo-Warfarin

Maklumkan kepada pengamal perubatan anda tentang keadaan kesihatan anda, termasuklah jika anda:

- Mempunyai masalah pendarahan
- Kerap jatuh
- Mempunyai masalah pada hati atau buah pinggang
- Mempunyai tekanan darah tinggi
- Mempunyai kencing manis
- Mengambil alkohol atau mempunyai masalah pengambilan alkohol berlebihan
- Telah merancang untuk menjalani sebarang operasi/ pembedahan pada masa terdekat

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat mungkin menyebabkan komplikasi apabila diambil bersama-sama dengan Apo-Warfarin, sebagai contoh:

- *Acetalminophen, Allopurinol, aspirin, azithromycin, capecitabine, cefoxitin, Clarithromycin, Dekstran, diclofenac* (masa pendarahan dipanjangkan)

- *Atorvastatin, azathioprine, chlorthalidopoxide, phenytoin, Ranitidine, vitamin K* (boleh mengurangkan kesan Apo-Warfarin)

- *Non Steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs)*

Cara menggunakan Apo-Warfarin

- Berapa banyak harus digunakan

Cara mengambil atau dos Apo-warfarin adalah berdasarkan reaksi individu kepada ubat ini.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Apo-Warfarin

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Warfarin.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Warfarin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Warfarin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan mungkin termasuk pendarahan secara berlebihan di mana-mana tisu atau organ. Tanda dan gejala akan berbeza-beza mengikut di mana ia berlaku. Komplikasi boleh hadir sebagai sakit kepala, sakit dada / perut / otot sendi, mudah pening, perasaan menjadi lemah.

Kesan sampingan yang lain termasuk: sakit, hipersensitiviti, demam, sakit

kepala, pening, tidak dapat bertoleransi dengan keadaan sejuk, mual muntah, ruam.

Kesan sampingan yang lebih serius termasuk:

- Masalah pada saluran pernafasan (tracheal or tracheobronchial calcification) jika mengambil rawatan ini secara berpanjangan.

- nekrosis kulit (kematian tisu kulit)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers →Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Warfarin

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Apo-Warfarin 1mg: Tablet berwarna merah jambu dan berbentuk dwicembung bulat dan diukir dengan perkataan 'WAR' di atas 1 pada satu permukaan, 'APO' pada satu lagi.

Apo-Warfarin 2mg: Tablet berwarna lavender dan berbentuk dwicembung bulat berukir 'WAR' di

atas 2 pada satu permukaan, 'APO' pada satu lagi.

Apo-Warfarin 5mg: Tablet berwarna kuning kemerah-merahan dan berbentuk dwicembung bulat berukir 'WAR' di atas 5 pada satu permukaan, 'APO' pada satu lagi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Warfarin Sodium

-Bahan tidak aktif

Laktos monohidrat, microcrystalline cellulose, magnesium stearate dan kanji.

Apo-Warfarin 1mg mengandungi kuning senja & merah D&C #30.

Apo-Warfarin 2mg mengandungi ferric ferrous oxide dan merah D&C #7.

Apo-Warfarin 5mg mengandungi mengandungi kuning senja & dan kuning D&C #10.

- Nombor MAL

Apo-Warfarin 1mg:
(MAL 20021394AZ)

Apo-Warfarin 2mg:
(MAL 20021395AZ)

Apo-Warfarin 5mg:
(MAL 20021396AZ)

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive
Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

12/8/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)080615/00148